



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 15 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BUBU NAGA ROSAK EKOSISTEM LAUT, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2. 3.	DAUN CINCAU KERING PUN DISELUDUP HARAM, NEGARA, KOSMO -17 KONTENA 2,000KG DAUN CINCAU, LOKAL, HM -21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6.	MEDAN NIAGA SATOK AKAN DIBUKA 17 OGOS, DAYAK DAILY -ONLINE POTONG GELANG KUARANTIN CABARAN PKPD KUALA SANGLANG, BH -ONLINE PENDUDUK DEGIL INKAR TEMCO, ANCAMAN BAHARU PETUGAS KESELAMATAN, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	KAEDAH PERTANIAN TEPAT OPTIMUMKAN HASIL PENGELUARAN, MUKA SEPULUH, BH -10	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
8.	UMS LAKSANA PELBAGAI USAHA TERMASUK TUBUH KELAB KEUSAHAWANAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

15/8/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30



BUBU naga boleh didapati dengan mudah serta dijual dengan harga murah di laman beli-belah dalam talian.

Bubu naga rosak ekosistem laut

GEORGETOWN: Mudah didapati secara dalam talian dan dijual dengan harga murah dipercayai menjadi punca wujudnya semakin ramai 'nelayan segera' yang menggunakan bubu naga di negeri ini.

Selain itu, terdapat juga 'tauke-tauke' yang membeli hasil laut daripada 'nelayan segera' itu menyebabkan penggunaan bubu naga yang diharamkan di negara ini semakin meningkat.

'Nelayan segera' ini dikesan hanya melabuhkan bubu naga dan membiarkan di laut sebelum mengaut hasil pada waktu-waktu tertentu menyebabkan mereka sukar dikesan.

Tinjauan di beberapa laman membeli belah secara dalam talian mendapati bubu naga boleh didapati dengan harga serendah RM15 hingga RM150.

Mendedahkan perkara itu, Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar berkata, 'nelayan segera' tersebut bukan bekerja sebagai nelayan yang berdaftar namun dipercayai mempunyai pekerjaan lain.

"Nelayan segera ini kita dapati mereka ada pekerjaan tetap yang lain, mereka merupakan ancaman kepada nelayan tradisi kerana mahu mengaut untung segera dengan menggunakan bubu naga.

"Bubu naga ini berbahaya kerana penggunaannya memberi kesan kepada sumber laut

dan merosakkan benih-benih hidupan laut," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut Noraisyah, bubu biasa hanya mempunyai satu injap (pintu masuk), namun bubu naga mempunyai lebih daripada 10 injap yang memerangkap hidupan laut.

"Boleh dikatakan semua hidupan laut, tidak mengira kecil atau besar akan terperangkap di dalam bubu naga.

"Bubu naga juga akan mewujudkan konflik sosial dalam masyarakat nelayan kerana boleh menimbulkan pergaduhan apabila pukat tradisi mereka rosak terkena bubu naga," katanya.

Tambahnya, Jabatan Perikanan negeri merampas sebanyak 720 buah bubu naga bernilai RM72,000 sejak Januari lalu sehingga Jun tahun ini dan dijangka jumlah rampasan bubu tersebut akan meningkat.

"Kita akan meningkatkan penguatkuasaan dan merampas bubu-bubu naga yang dilabuhkan di laut serta melupuskannya mengikut undang-undang sedia ada.

"Mereka yang ditahan kerana kesalahan bubu naga akan didakwa mengikut Seksyen 11(3)(C) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2020	KOSMO	NEGARA	17



MAQIS merampas daun cincau kering yang diimport dari Indonesia di NBCT, Butterworth pada Rabu lalu.

Daun cincau kering pun diseludup haram

SEBERANG PERAI – Bukan sahaja kulit ayam sejuk beku, bawang besar dan daging diseludup ke negara ini, malah daun cincau pun dibawa masuk tanpa mempunyai dokumen import yang sah.

Bagaimanapun, usaha itu gagal apabila Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua tan daun cincau dari Indonesia di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth di sini pada Rabu lalu.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, pihaknya menemui 100 guni daun cincau kering itu di dalam sebuah kontena ketika pemeriksaan rutin

kira-kira pukul 11 pagi.

“Daun cincau yang disita itu seberat 2,000 kilogram yang dianggarkan bernilai RM25,452.

“Pemeriksaan mendapati, kontena ini diimport dari Indonesia tanpa permit import daripada Maqis,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ujarnya, kegiatan itu dipandang serius kerana melibatkan aspek keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan serangga perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2020	HARIAN METRO	LOKAL	21

Maqis sita 100 guni daun dibawa masuk dari Indonesia

Oleh Nur Izzati Mobamad
am@hmetro.com.my



Kami terpaksa menyita semua barang dagangan berkenaan untuk siasatan"

Zarina Ramli
"Kami terpaksa menyita semua barang dagangan berkenaan untuk siasatan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam. Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Kontena yang membawa 100 guni daun cincau dari Indonesia bernilai RM25,452 ditahan ketika pemeriksaan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini, Rabu lalu. Dalam pemeriksaan yang dilakukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang jam 11.12 pagi itu didapati daun cincau seberat 2,000 kilogram (kg) dibawa masuk tanpa dokumen import sah.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli, berkata, semua daun cincau itu disita. "Penguat kuasa meminta dokumen seperti permit import bagi membolehkan barangan itu dibawa masuk namun didapati gagal mengemukakan apa yang diminta."



KAKTANGAN Maqis Pulau Pinang memeriksa kontena membawa 100 guni daun cincau dari Indonesia di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT).

KONTENA 2,000KG DAUN CINCAU



Rampas pistol, arak seludup

Kota Kinabalu: Pasukan Polis Marin (PPM) menggalkan cubaan menyeludup minuman keras dan merampas sepucuk pistol dalam serbuan di kawasan tebing sungai di Sungai Lubuk Weston, Beaufort di sini, kelmarin.

Dalam serbuan jam 4.50 pagi, anggota dan pegawai PPM yang menjalankan Operasi Benteng Covid-19 turut menahan dua lelaki berusia 36 dan 48 tahun.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Ahmad Ariffin berkata, ketika diserbu, dua lelaki terbabit ditahan bersama lori berisi minuman keras.

Katanya, hasil pemeriksaan ke atas lori itu mendapati ada pelbagai jenis minuman keras tidak bercukai.

"Semua minuman keras ini dipercayai diseludup dari Labuan ke Beaufort."

"Turut dirampas sepucuk pistol revolver Smith & Wesson .38 berserta 13 butir peluru," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2020	DAYAK DAILY	ONLINE	

MEDAN NIAGA SATOK AKAN DIBUKA 17 OGOS



Medan Niaga Satok akan dibuka 17 Ogos KUCHING, 13 Ogos: Medan Niaga Satok di Petra Jaya yang telah diarahkan ditutup sejak 30 Julai lepas akan dibuka semula mulai 17 Ogos depan.

Mengikut notis dikeluarkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Sarawak hari ini, pihaknya telah mendapat kebenaran untuk Medan Niaga Satok beroperasi semula.

"Pembukaan operasi keseluruhan Medan Niaga Satok adalah pada 17 Ogos 2020 (Isnin)," menurut notis yang disiarkan dilaman Facebook Fama Negeri Sarawak hari ini.

Mengikut notis terbabit pembukaan itu dengan syarat mengekalkan langkah-langkah pencegahan sepanjang masa dan memastikan pihak peniaga dan pengunjung mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

"Sehubungan dengan itu, bagi memastikan keselamatan di Medan Niaga Satok terjamin, Pengurusan Medan Niaga Satok akan mengadakan kerja-kerja sanitasi dan pembersihan keseluruhan kawasan selepas arahan penutupan tamat," menurut Fama Sarawak.

Medan Niaga Satok telah menerima notis arahan penutupan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 30 Julai lepas sehingga esok (14 Ogos).

Ini berikutan wujudnya Kluster Satok selepas empat individu di pasar berkenaan dijangkiti pandemik Covid-19.

Kes itu dikesan menerusi saringan aktif Covid-19 yang dijalankan terhadap 229 individu di pasar berkenaan pada 25 dan 26 Julai lalu.— DayakDaily



14 AUG, 2020

Potong gelang kuarantin cabaran PKPD Kuala Sanglang

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Lorong tikus, potong gelang kuarantin cabaran polis kawal PKPD Kuala Sanglang

Muka 4

Potong gelang kuarantin cabaran PKPD Kuala Sanglang

Kangar: Perubahan segelintir penduduk Kuala Sanglang di sini, memotong gelang pink sebelum menyusup keluar dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran itu, disifatkan ancaman baharu kerana mereka berpotensi tinggi mencetuskan penularan COVID-19.

Ketua Polis Perlis, Datuk Surina Saad, berkata pihaknya sudah menutup semua lorong tikus sekitar Kampung Kuala Sanglang dan Tanah Timbul, namun masih ada individu menyelip keluar dari kawasan PKPD itu.

Katanya, kealau bertambah

banyak apabila ada penduduk memotong gelang pink semata-mata bagi mengelak dikenal atau disedari orang ramai ketika mereka berkegiatan.

"Keadaan geografi dan pelaksanaan PKPD Secara Pentadbiran di Kampung Kuala Sanglang, Perlis ini berbeza dengan kawasan lain, perkara ini kita terpaksa hadapi dan sukar untuk elak."

"Laluan ini (lorong tikus) adalah jalan kecil di belakang rumah penduduk yang sukar dilihat pihak keselamatan ketika melakukan sekatan jalan raya di kawasan terabit.

"Apabila mereka (pemakai ge-

lang merah jambu) keluar melalui jalan belakang rumah (yang terletak antara sempadan), mereka terus naik motosikal dan pergi ke pekan berdekatan dan lebih teruk ada yang potong gelang bagi mengelak orang awam mengenali mereka," katanya semalam.

Surina berkata, perkara terabit seakali satu ancaman baharu bagi pihaknya memandangkan penduduk yang menyelip keluar dari kawasan PKPD berpotensi tinggi positif COVID-19.

"Seperti kejadian dikesan baru-baru ini, selepas keluar membeli barangan, mereka meminta

izin masuk balik ke kawasan dan selepas diselidik, baru kita tahu mereka buka gelang 'pink'.

"Tiadakan ini sesuatu yang berbahaya dan kita terpaksa menahan mereka untuk mengetahui sejauh mana kontak yang telah dibuat sejauh keluar dari kawasan PKPD ini," katanya.

Surina berkata, ketika ini pihaknya sudah menempatkan anggota keselamatan di kawasan laluan belakang rumah berkenaan agar kejadian berkenaan tidak lagi berulang kembali.

"Bukan kita mahu melihat mereka sengsara dalam kawasan ter-

abit, tetapi bersabarlah kerana pihak berkuasa sudah mula mengagihkan bantuan kepada penduduk terjejas.

"Malah PAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) juga sudah bersetuju menempatkan pasar basar dan barangan runcit di dalam kawasan TEMICO sebagai langkah membantu penduduk," katanya.

Kelmarin, polis menahan dua individu berusia 54 dan 67 tahun kerana ingkar PKPD selepas di-tahan di sekatan jalan raya Kuala Sanglang ketika ke kedai runcit di pekan berdekatan.



14 AUG, 2020

Potong gelang kuarantin cabaran PKPD Kuala Sanglang

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Lorong tikus, potong gelang kuarantin cabaran polis kawal PKPD Kuala Sanglang Muka 4

Kangar: Perbuatan segelintir penduduk Kuala Sanglang di sini, memotong gelang pink sebelum menyusup keluar dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran itu, disifatkan ancaman baharu kerana mereka berpotensi tinggi mencetuskan penularan COVID-19.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Penduduk degil ingkar TEMCO, ancaman baharu petugas keselamatan



KANGAR: Kedudukan Kuala Sanglang yang terletak betul-betul di sempadan Kedah-Perlis menyebabkan ada penduduk yang mengingkari Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO) untuk pergi pekan berdekatan.

Ketua Polis Perlis, Datuk Surina Saad, berkata walaupun pihaknya sudah menutup semua lorong tikus di Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul, namun masih ada yang menyelip daripada kawasan TEMCO.

Keadaan menjadi lebih buruk apabila ada penduduk dikesan memotong gelang merah jambu bagi mengelak orang ramai mengesan mereka.

"Keadaan geografi dan pelaksanaan TEMCO di Kampung Kuala Sanglang, Perlis ini berbeza dengan TEMCO di kawasan lain, perkara ini kita terpaksa hadapi dan sukar untuk elak.

"Lorong tikus yang digunakan adalah jalan kecil di belakang rumah penduduk yang sukar dilihat pihak keselamatan ketika melakukan sekatan jalan raya di kawasan terbabit.

"Apabila mereka (pemakai gelang merah jambu) keluar melalui jalan belakang rumah (yang terletak antara sempadan), mereka terus naik motosikal dan pergi ke pekan berdekatan malah lebih teruk ada yang potong gelang pink," katanya ketika dihubungi hari ini.

Surina berkata, perkara terbabit adalah ancaman baharu bagi pihaknya memandangkan penduduk yang menyelip keluar dari kawasan TEMCO berpotensi tinggi positif COVID-19.

"Seperti kejadian yang dikesan baru-baru ini, selepas keluar membeli barangan, mereka meminta izin masuk balik ke kawasan TEMCO dan selepas diselidik, baru kita tahu mereka buka gelang 'pink'.

"Tindakan ini sesuatu yang berbahaya dan kita terpaksa menahan mereka untuk mengetahui sejauh mana kontak yang sudah dibuat sejurus keluar dari kawasan TEMCO," katanya.

Surina berkata, ketika ini pihaknya sudah menempatkan anggota keselamatan di kawasan laluan belakang rumah berkaitan bagi mengelak kejadian sama berulang.

"Kita tempatkan anggota keselamatan serta Unit Kereta Peronda (MPV) untuk melakukan rondaan secara kerap supaya penduduk tidak sewenangnya ingkar TEMCO.

"Bukan kita mahu melihat mereka sengsara di kawasan terbabit, tetapi bersabarlah kerana pihak berkuasa sudah mula mengagihkan bantuan kepada penduduk di dalam kawasan TEMCO.

"Malah FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) juga sudah bersetuju untuk menempatkan pasar basah dan barangan runcit di dalam kawasan TEMCO sebagai langkah membantu penduduk," katanya.

Semalam, polis menahan dua individu berusia 54 dan 67 tahun ingkar TEMCO selepas keduanya menyerah diri di sekatan jalan raya di Kuala Sanglang untuk ke kedai runcit di pekan berdekatan.

Sebelum ini, dua lagi individu berusia 47 dan 60 tahun ditahan di perkarangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Kangar selepas ingkar TEMCO dengan alasan untuk mendaftar Bantuan Sara Hidup (BSH).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2020	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

Kaedah pertanian tepat optimumkan hasil pengeluaran

Pada 2050, dijangka populasi dunia bakal meningkat kepada 9.8 bilion dan secara tidak langsung, keperluan makanan pada waktu itu juga akan meningkat sehingga 70 peratus.

Dikhabarkan, kaedah pertanian sedia ada tidak mampu lagi untuk memenuhi peningkatan keperluan makanan.

Didalam negara pula, kita masih perlu mengimport 30 peratus bekalan beras untuk mencukupkan keperluan tempatan.

Sekiranya berlaku bencana alam yang tidak diingini seperti serangan belalang juta di India, ia boleh menjejaskan bekalan import negara.

Teknologi yang hangat diperkatakan untuk mengatasi masalah ini ialah kaedah pertanian tepat atau *precision agriculture* yang tercetus daripada fenomena internet kebendaan (IoT).

Teknologi ini digolongkan dalam 'teknologi yang menimbulkan gangguan' kerana ia akan mengubah norma proses biasa kepada norma baharu.

Kaedah pertanian tepat ini menggunakan gabungan teknologi untuk mengukur dengan tepat setiap proses pertanian bagi memastikan setiap sumber digunakan secara optimum.

Ini bermakna sumber yang digunakan adalah dalam keadaan berkadar boleh ubah dan bukan tetap.

Teknologi yang digunakan pula termasuk sistem kedudukan global (GPS), sensor, dron, kecerdasan buatan (AI) dan robotik.

Sebagai contoh dron digunakan untuk mengambil gambar imej tanaman dan ia boleh dianalisis untuk mengesan penyakit pada pokok, kadar klorofil, kadar kelembapan tanah dan kewujudan serangga perosak.



Kaedah pertanian tepat ini menggunakan gabungan teknologi untuk mengukur dengan tepat setiap proses pertanian bagi memastikan sumber digunakan secara optimum. Ini bermakna sumber yang digunakan adalah dalam keadaan berkadar boleh ubah dan bukan tetap.

Dengan mengetahui kelembapan tanah, petani dapat mengetahui kadar air yang diperlukan oleh tanaman mereka.

Begitu juga dengan kadar klorofil dan penyakit pokok. Baja dan racun dapat digunakan dengan sewajarnya di kawasan yang memerlukan.

Contoh penggunaan sensor pula boleh mengukur tahap keasidan serta kealkalian tanah. Teknologi ini dapat melakukan kerja manual dengan lebih cepat dan tepat.

Projek perintis teknologi pertanian tepat oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di kawasan sawah padi di Kedah dan Perak menunjukkan penjimatan penggunaan baja sehingga 25 peratus sehektar.

Kos operasi buruh dapat dikurangkan sehingga 50 peratus dan ia juga dapat mengoptimumkan pengeluaran hasil padi.

Pertanian tepat ini dapat membantu masalah global yang dihadapi petani. Ini termasuk kekurangan sumber air, variasi cuaca yang tidak menentu, kos tenaga yang semakin meningkat dan kekurangan sumber tanah.

Ada juga desakan daripada masyarakat yang inginkan proses penghasilan produk pertanian menjadi lebih telus.

Dengan kaedah pertanian tepat, semua data yang diperlukan untuk menyelesaikan permasalahan ini dapat dijanakan secara automatik.

Penggunaan air berlebihan boleh dikurangkan dan hasil dapat ditingkatkan walaupun menggunakan luas kawasan yang sama.

Kecanggihan teknologi membolehkan kepada pengguna pada masa nyata dapat dikesan dari jarak ketinggian 200 kaki dan hanya kawasan terjejas perlu disembur racun serangga perosak.

Data tersedia ini dapat dihidangkan kepada pengguna pada masa nyata untuk menunjukkan hasil pertanian adalah mengikut piawai keselamatan yang ditetapkan.

Teknologi pertanian tepat ini hadir kerana wujud gabungan teknologi yang menyokong antara satu sama lain.

Kecerdasan buatan dapat menganalisis imej yang diambil oleh dron bagi membantu sistem membuat keputusan.

Imej ini pula disokong dengan data daripada sensor yang dipasang di ladang pertanian atau ternakan.

Dron dan jentera pembajak pula dapat bergerak dengan cekap menggunakan teknologi GPS. Semua ini dihubungkan melalui internet dan membolehkan pemilik ladang membuat kawalan di telefon bimbit.

Gabungan teknologi ini membolehkan satu sistem automasi dilakukan da-

ripada fasa pertama pengemburan tanah sehingga ke fasa akhir apabila tuai dilakukan.

Di Malaysia, pertanian tepat masih belum diterokai sepenuhnya. Kebanyakan usaha adalah pada peringkat penyelidikan ataupun projek perintis yang dijalankan agensi kerajaan seperti MARDI, MIMOS Berhad dan universiti tempatan.

Ada juga agensi swasta yang menawarkan kepakaran mereka untuk tujuan implementasi teknologi pertanian tepat.

Buat masa ini untuk melihat dron berterbangan memantau tanaman atau menabur baja di ladang di dalam negara kita, belum lagi menjadi norma yang biasa.

Antara faktor penghalang ialah kos permulaan yang besar dan kita juga masih kekurangan pakar di dalam bidang ini.

Teknologi yang ada di luar negara pula selain mahal, ia perlu disesuaikan terlebih dahulu dengan tanaman di Malaysia seperti kelapa sawit, getah, padi dan nanas.

Kita perlu mengutamakan pembangunan kepakaran dalam negara daripada mengadaptasi teknologi luar kerana ada pelbagai pemboleh ubah yang berbeza dalam praktikal pertanian yang mungkin hanya boleh difahami dengan lebih baik oleh warga tempatan.

Penulis adalah Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

UMS laksana pelbagai usaha termasuk tubuh kelab keusahawanan



LAWAT: Mansor melawat fasiliti Hatcheri Ikan di Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS.

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah merangka pelbagai usaha berterusan bagi memastikan para pelajarnya terdedah kepada bidang keusahawanan.

Antara usaha itu adalah penubuhan kelab keusahawanan dalam kalangan pelajar, sesi pengenalan entiti-entiti yang mengendalikan hal ehwal keusahawanan di UMS semasa kemasukan pelajar baharu, siri lawatan industri serta siri Entrepreneurial Talk.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, peluang perniagaan kepada pelajar turut diberikan untuk menilai tahap penerimaan ilmu keusahawanan yang telah dipelajari.

"UMS telah menyediakan beberapa platform perniagaan kepada pelajar antaranya MyBest Buy@ Tamu Fama, bazar Ramadan, Tamu Gadang dan kursus Digital Entrepreneur.

"Tidak terhenti setakat itu sahaja, UMS juga membuka ruang kepada pelajar menterjemahkan ilmu yang diperolehi kepada pemain industri di Sabah menerusi program yang disusun oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap sempena Majlis Lawatan Program Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (Zon Sabah) oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Dato' Mansor Othman di Bangunan Canselori, UMS baru-baru ini.

Taufiq menambah, selain itu, Program Business Pitching buat julung kali telah diadakan pada 11 Mac lalu bagi memberi peluang kepada pelajar UMS membentangkan idea keusahawanan dan pelan perniagaan kepada panel industri dilantik.

"Hasilnya, dua orang pelajar UMS telah dipilih oleh pihak industri penganjur untuk bekerjasama dan menjadikan idea yang dibentangkan sebagai realiti," katanya.

Jalinan kerjasama UMS dengan pemain industri khususnya di Sabah dan Malaysia amnya bersama persatuan turut dirangka sebagai salah satu inisiatif UMS bagi membuka peluang kepada pelajar menjadi sebahagian daripada pemain industri.

"Inisiatif jaringan kerjasama ini antaranya dicapai menerusi surat niat antara Kelab Keusahawanan UMS bersama Persatuan Usahawan Maju Malaysia (PUMM), manakala satu Memorandum Persefahaman pula akan dilaksanakan pada 21 Ogos 2020 antara UMS bersama Celcom Axiata Sdn Bhd," katanya.

Katanya, UMS berhasrat melahirkan graduan yang bukan sahaja boleh menyumbang kepakaran dalam sektor awam dan swasta, lebih pada itu berusaha melahirkan ramai usahawan yang tidak bergantung pada dana kerajaan semata-mata.

Pada program lawatan itu, Taufiq bersama-sama pegawai utama dan kanan UMS kemudiannya membawa Dato' Mansor untuk melawat beberapa fasiliti yang terdapat di UMS antaranya Hatcheri Ikan, Pantai ODEC dan Pusat Maklumat Pelawat EcoCampus (EVIC).